

Lawatan PM ke Russia cetus kebangkitan Malaysia di arena global

• Dengan latar belakang geopolitik global kian rumit, kehadiran Anwar di Moscow dan Kazan membawa makna jauh lebih mendalam daripada pertemuan dua negara

• Pendekatan ini bukan sahaja mengangkat nama Malaysia, tetapi meletakkan nilai MADANI sebagai model alternatif kepada Islam politik yang ekstrem ataupun pasif



Felo Bersekutu di Institut Hubungan Antarabangsa dan Diplomasi Asia (AIAD) merangkap Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Nor Azura A Rahman
bhrencana@bh.com.my

Lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Russia dari 13 hingga 16 Mei bukan sekadar kunjungan diplomatik, tetapi satu langkah strategik menandakan kebangkitan semula Malaysia sebagai pemain penting di arena antarabangsa, khususnya dalam konteks hubungan ASEAN-Russia dan kepemimpinan dunia Islam.

Dengan latar belakang geopolitik global kian rumit, kehadiran Anwar di Moscow dan Kazan membawa makna jauh lebih mendalam daripada pertemuan dua negara. Ia adalah pernyataan dasar luar Malaysia yang berani, matang dan berpandangan jauh.

Sepanjang lawatan empat hari ini, Anwar dijadual mengadakan pertemuan peringkat tertinggi bersama Presiden Vladimir Putin dan Perdana Menteri Mikhail Mishustin. Perbincangan mereka merangkumi pelbagai aspek kerjasama dua hala, termasuk perdagangan, pelaburan, tenaga, pendidikan, teknologi aeroangkasa dan agri-komoditi.

Salah satu tumpuan utama dalam lawatan ini adalah usaha untuk menarik pelaburan berimpak tinggi ke Malaysia. Pertemuan dengan pemimpin industri utama Russia mencerminkan usaha Anwar membina kerjasama yang bukan sahaja bersifat jangka pendek, tetapi berteraskan pemindahan teknologi, pembangunan bakat dan peningkatan kapasiti industri tempatan.

Penyertaan Anwar dalam KazanForum, platform utama untuk kerjasama ekonomi antara Russia dan negara Islam serta Mesyuarat Kumpulan Visi Strategik Russia-Dunia Islam memperlihatkan kedudukan Malaysia sebagai suara Islam moderat, rasional dan berdaya saing.

Dalam ucapan beliau, Anwar menekankan prinsip keadilan, integriti dan kerjasama sejagat antara dunia Islam dan blok Eurasia. Pendekatan ini bukan sahaja mengangkat nama Malaysia, tetapi meletakkan nilai MADANI sebagai model alternatif kepada Islam politik yang ekstrem ataupun pasif.

Di bawah payung diplomasi MADANI, lawatan ini memperlihatkan Malaysia tidak lagi bermain di pinggir percaturan antarabangsa. Sebaliknya, negara ini memilih untuk menjadi penghubung antara timur dan barat, antara dunia Islam dan blok Eurasia serta antara kuasa besar dan negara sedang membangun.

Tambahan pula, sebagai Pengerusi ASEAN 2025, lawatan ini membawa misi penting Malaysia memperkukuh hubungan dialog ASEAN-Russia yang sekian lama bersifat 'peripheral' dan kini memerlukan

suntikan kepimpinan baharu.

Bagi memahami kepentingan lawatan ini, kita harus meninjau semula bagaimana pemimpin Malaysia terdahulu mengendalikan hubungan dengan Russia.

Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri kelima (2003-2009), pernah mengadakan lawatan rasmi ke Russia pada 18 hingga 20 Jun 2007. Ketika itu, hubungan Malaysia-Russia baru mula berkembang dengan fokus kepada sektor tenaga, pendidikan dan industri pertahanan.

Walaupun Tun Abdullah menerima sambutan protokol yang tinggi, impak strategik lawatan itu lebih tertumpu kepada urusan dua hala dan tidak dikembangkan secara aktif kepada kerangka serantau atau dunia Islam.

Datuk Seri Najib Razak pula sepanjang pemerintahannya (2009-2018) tidak pernah melakukan lawatan rasmi signifikan ke Russia melainkan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Russia di Sochi, Russia dari 19 hingga 20 Mei 2016.

"Di bawah payung diplomasi MADANI, lawatan ini memperlihatkan Malaysia tidak lagi bermain di pinggir percaturan antarabangsa"

Fokus dasar luar beliau banyak tertumpu kepada hubungan dengan China, Asia Barat dan negara Barat. Walaupun perdagangan Malaysia-Russia meningkat secara tidak langsung ketika itu, tiada inisiatif jelas menempatkan Malaysia dalam rangka strategik hubungan ASEAN-Russia.

Tun Dr Mahathir Mohamad pula semasa pentadbirannya yang kedua (2018-2020) mengekalkan pendirian berkecuali, tetapi kritikal terhadap kuasa besar. Dalam konteks Russia, hubungan Malaysia adalah bersifat pasif dan berjaga-jaga.

Mahathir menekankan prinsip *non-alignment* namun tidak mengambil peluang untuk memperkukuh hubungan strategik dengan Russia mahupun memimpin kerjasama Islamik dalam bentuk forum-forum antarabangsa selain menghadiri Forum Ekonomi Timur (EEF) di Vladivostok pada 4 hingga 6 September 2019.

Semasa pentadbiran singkat Tan Sri Muhyiddin Yassin (2020-2021), hubungan Malaysia dengan

Russia kekal dingin dan bersifat pasif. Fokus utama ketika itu adalah kepada isu domestik, khususnya menangani pandemik COVID-19 dan krisis politik dalaman negara.

Tidak ada sebarang inisiatif jelas daripada kerajaan untuk mengukuhkan hubungan dua hala dengan Russia, apatah lagi lawatan rasmi ke Moscow atau pembabitan dalam forum serantau yang memabitkan Russia sebagai rakan strategik.

Seterusnya, pentadbiran singkat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (2021-2022) juga menyaksikan kesinambungan dasar luar yang bersifat berhati-hati dan bersifat 'non-engagement' terhadap Russia. Tiada lawatan rasmi dilakukan ke negara berkenaan dan tiada pembabitan Malaysia dalam forum utama anjuran Russia, termasuk KazanForum.

Tumpuan beliau lebih kepada hubungan dengan ASEAN dan negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea Selatan, serta urusan dalam negeri seperti pemulihan ekonomi pasca-COVID-19.

Pendekatan Anwar lebih dinamik, proaktif

Semua Perdana Menteri ini belum berjaya meletakkan Russia sebagai rakan strategik jangka panjang dalam dasar luar Malaysia. Mereka juga tidak mengambil cukup peluang mengangkat nama Malaysia di hadapan dunia Islam melalui kerjasama dengan Russia yang memiliki hubungan sejarah mendalam dengan dunia Muslim, khususnya di rantau seperti Tatarstan, Chechnya dan Dagestan.

Berbeza dengan mereka, Anwar mengambil pendekatan jauh lebih dinamik dan proaktif. Lawatan beliau bukan sahaja menandakan pemulihan hubungan dua hala selepas hampir dua dekad tiada kunjungan rasmi setinggi ini dilakukan, malah membawa dimensi baharu hubungan Malaysia-Russia ke dalam kerangka pelbagai hala khususnya ASEAN, BRI-CS dan dunia Islam.

Berbeza dengan pendekatan awal yang lebih menumpukan kepada penyelenggaraan hubungan sedia ada tanpa inisiatif strategik ke hadapan, Anwar tampil sebagai pemimpin meletakkan dasar luar sebagai instrumen utama kebangkitan semula Malaysia.

Dengan langkah ini, Anwar meletakkan batu asas kepada hubungan strategik Malaysia-Russia yang baharu, satu hubungan bukan sahaja relevan untuk masa kini, tetapi mampu mencorakkan keseimbangan kuasa serantau dan membawa manfaat kepada rakyat dalam bentuk pelaburan, peluang pendidikan dan kebanggaan nasional.

Dengan dasar luar lebih berani, strategik dan berpaksikan nilai, Malaysia di bawah pimpinan Anwar bukan sahaja mencipta sejarah, tetapi sedang menulis naratif baharu mengenai kebangkitan sebuah negara sederhana yang sarat dengan integriti, wibawa dan visi besar untuk masa depan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH